



MUSIRIN BIN MOSIN

Deskripsi Struktur Frasa Adverba dalam Bahasa Melayu Berdasarkan Teks Sejarah Melayu

IKHTISAR: Penelitian ini berfokus pada analisis dokumen sastra “Sejarah Melayu” dan pemerolehan data perpustakaan berkaitan struktur frasa adverba menggunakan teori sistemik-fungsional. Matlamat penelitian ialah mengenalpasti struktur frasa adverba dalam ayat. Dengan menggunakan bentuk kata selapis dan berlapis ini, data korpus berupa ayat lengkap diperolehi melalui penjanaan korpus di Pangkalan Data Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Malaysia. Daripada analisis dokumen, didapati wujud struktur frasa adverba pada adjung pangkal, adjung tengah, dan adjung hujung ayat, yakni bercanggah dengan kedudukan frasa adverba yang diarah-tunjuk pada adjung hujung ayat. Dapatan kajian menunjukkan 2,338 ayat sahaja yang benar-benar memperlihatkan kewujudan frasa adverba dalam struktur ayat teks “Sejarah Melayu”. Daripada jumlah tersebut, frasa adverba yang terletak pada adjung pangkal ialah 273 frasa (11.67%); manakala 1,881 frasa adverba (84.81%) berada pada kedudukan tengah ayat; dan adjung hujung hanya 184 frasa (7.86%). Dengan paparan data ini diharap wujud keseragaman penerimaan tentang posisi frasa adverba dalam struktur ayat bahasa Melayu.

KATA KUNCI: Struktur Frasa Adverba; Ayat-ayat; Sejarah Melayu; Adjung Pangkal; Adjung Tengah; Adjung Hujung.

ABSTRACT: “Structure Description on Adverbial Phrases in Malay Language Based on the Text of the Malay Annals”. The research focuses on the literature analysis of “Malay Annals” and documents related to the acquisition of library data structure adverb phrases using systemic-functional theory. The goal of the research is to identify the structure of the sentence adverb phrase. By using layer and laminated form, the corpus data in the form of complete sentences obtained by raising the corpus in Database of Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Malaysia. From the analysis of documents, adverb phrase structure is found to exist on the adjunct base, middle, and an adjunct end of a sentence, that is in conflict with the position of the adverbial phrase that instructions are directed at the end of a sentence adjunct. The findings show that only 2,338 verses that really showed the existence of adverb phrase in sentence structure of Malay Annals’ text. Of these, adverb phrase which is located at the base of the adjunct phrase is 273 (11.67%); while the adverb phrase 1,881 (84.81%) were in the center position at the end of verse; and adjunct phrase only 184 (7.86%). With this data exposure is expected to have uniformity of acceptance of the position of the adverbial phrase in the sentence structure of the Malay language.

KEY WORD: Structure of Adverb Phrase; Sentences; Malay Annals; Adjunct Base; Adjunct Middle; Adjunct End.

About the Author: Dr. Musirin bin Mosin ialah Pensyarah di Fakulti Psikologi dan Pendidikan UMS (Universiti Malaysia Sabah), Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia. Bagi urusan sebarang akademik, penulis boleh dihubungi secara terus melalui emel di: m_musirin@yahoo.com

How to cite this article? Mosin, Musirin bin. (2015). “Deskripsi Struktur Frasa Adverba dalam Bahasa Melayu Berdasarkan Teks Sejarah Melayu” in *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, Vol.3(2), September, pp.229-246. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press and UBD Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, ISSN 2302-5808.

Chronicle of the article: Accepted (March 6, 2015); Revised (June 25, 2015); and Published (September 30, 2015).

PENDAHULUAN

Ahli bahasa mempunyai pelbagai pendapat berbeza mengenai frasa adverba. Perbezaan pendapat ini menimbulkan kekeliruan, yang tentu saja dengan kekeliruan itu meninggalkan kesan negatif terhadap perkembangan bahasa Melayu itu sendiri. Asmah Haji Omar (1993) menyatakan adverba berada pada kedudukan adjung hujung ayat (Omar, 1993). Tetapi Asmah Haji Omar (2009) pula berpendapat bahawa adverba boleh berada pada bahagian pangkal atau tengah struktur ayat, bergantung pada gaya penggunaan bahasa, samada dalam pertuturan mahupun tulisan (Omar, 2009).

Bagi Zainal Abidin bin Ahmad @ Za'ba (1965 dan 2000) dan Arbak Othman (1981), adverba boleh diletakkan pada awal ayat, tengah ayat, dan hujung ayat (*cf* Za'ba, 1965; Othman, 1981; dan Za'ba, 2000). Berdasarkan perbezaan pendapat ini, wujud satu persoalan, iaitu: Adakah struktur frasa adverba dalam ayat itu hanya wujud pada posisi adjung hujung ayat? Atau sebenarnya wujud pada posisi-posisi yang lain, yakni posisi adjung pangkal atau adjung tengah ayat?

Bagi menjawab persoalan ini, penelitian dokumen akan dibuat ke atas teks *Sejarah Melayu*, dengan menggunakan pendekatan Sistemik-Fungsional oleh Asmah Haji Omar (1993). Pemilihan Teori Sistemik-Fungsional adalah kerana sifat-sifatnya yang maksimal dan eklektik dalam menerangkan struktur frasa adverba pada ayat. Teori berkenaan juga menerapkan aspek-aspek relevan dari aliran struktural, iaitu perhubungan sintagmatik dan paradigmatic, terutamanya bagi menentukan status makna perkataan dalam teks *Sejarah Melayu*. Selepas penentuan status makna, maka binaan frasa adverba dan kedudukan frasa adverba dalam struktur ayat juga dapat ditentukan (Omar, 1993). Lihat jadual 1.

Persoalan lain yang perlu diperhatikan ialah: Mengapakah penelitian menjurus kepada karya *Sejarah Melayu*? Jawapannya adalah kerana statusnya sebagai sebuah karya yang tinggi kualitasnya, sama ada dari segi nilai penulisan ataupun penerbitannya. Adalah diperakui bahawa *Sejarah Melayu* ini diterbitkan sebagai edisi "Karya Agung Yayasan" oleh Dr. Abdul Rahman Kaeh.¹

Karya agung *Sejarah Melayu* ini dipercayai dimulakan penulisan di Johor, Semenanjung Tanah Melayu, pada tahun 1536 Masehi, yang mengisahkan perihal salasilah dan keagungan raja-raja dan kerajaan Melayu Melaka dalam abad ke-14 hingga ke-16. Pendapat umum dalam kalangan Sarjana Melayu dan Sarjana Orientalis, karya ini siap ditulis pada tahun 1612. Penulisnya ialah Tun Seri Lanang, seorang pembesar istana. Edisi karya agung ini pernah dikaji dan dijadikan inspirasi penulisan sajak oleh Profesor Muhammad Hj Salleh dari UKM (Universiti Kebangsaan Malaysia). Sir Stanford Raffles pula sanggup bergadai nyawa bagi menyelamatkan *Sejarah Melayu* daripada terbakar, kerana telah terpesona dengan keindahan bahasanya (Salleh ed., 1997; dan Musanif & Othman, 2001).

Oleh kerana *Sejarah Melayu* ini mempunyai beberapa keistimewaan tersendiri, maka selayaknya karya ini dipilih sebagai fokus penelitian, justeru bagi membuktikan bahawa dalam karya klasik pun wujud penggunaan frasa adverba yang menunjukkan betapa kayanya karya-karya klasik dengan perkataan-perkataan indah dan pelbagai makna (*cf* Marsden, 1812; Omar, 1968; Hassan, 1974; Salleh ed., 1997; Mahmood, 2006; dan Hassan, 2008).

Data korpus mengenai frasa adverba ini diperolehi secara digital di "Pangkalan Data Dewan Bahasa dan

¹Sila lihat <http://www.treewebs.com/Samudrapasai/> [diakses di Kota Kinabalu, Malaysia: 20 Mei 2015].

Jadual 1:
Hubungan Sintagmatik dan Paradigmatik *Datang, Sekarang*

KD Frasa Adverba Perhinggaaan (Hubungan Paradigmatik)	Frasa Adverba Waktu (Hubungan Sintagmatik)	Unsur Selepas
<i>Datang</i> <i>Hingga</i> <i>Sampai</i>	<i>Sekarang / Kini / Saat ini</i>	Tempat itu Biawak Busuk Nama Diberi

Pustaka” dalam bentuk konkordans dan ayat lengkap. Penelitian melalui kaedah deskripsi struktur dapat menampilkan hubungan perkataan dengan perkataan dan perkataan dengan frasa di dalam sesuatu ayat. Daripada penelitian ini diharapkan pandangan kabur dan bercanggah mengenai struktur frasa adverba dalam binaan ayat dapat diperjelaskan. Penghuraian topik adverba ini menjurus kepada penerangan konsep, unsur-unsur frasa adverba, dan struktur frasa adverba dalam ayat.

Kefahaman tentang frasa adverba ini didasari oleh idea-idea Asmah Haji Omar, yang menulis buku bertajuk *Nahu Melayu Mutakhir* (1993), disamping maklumat sokongan daripada ahli-ahli bahasa, sama ada dari Malaysia mahupun dari Indonesia, agar kefahaman tentang konsep dan struktur frasa adverba itu lebih jelas. Dalam konteks ini penghuraian akan dibataskan untuk melihat deskripsi struktur frasa adverba dalam ayat atau dalam erti kata yang lain menentukan kedudukan frasa adverba itu, sama ada hanya pada adjung hujung ayat, seperti kenyataan Asmah Haji Omar (1993); atau wujud pada tempat-tempat yang lain, yakni hadapan ayat atau tengah ayat, sebagaimana dinyatakan oleh kebanyakan ahli bahasa, seperti Arbak Othman (1981).

Data korpus dalam bentuk ayat yang lengkap hanya diperolehi daripada teks *Sejarah Melayu* dan contoh-contoh yang terhad bilangannya dalam akhbar Melayu Lama, iaitu *Majalah Guru*, *Majlis*, dan *Saudara*, tanpa membuat perbandingan data mengenainya. Manakala frasa adverba yang digunakan

ialah bentuk selapis (minimal) dan berlapis (frasa) sahaja. Kaedah yang digunakan ialah penelitian dokumen dalam bentuk data korpus secara bercetak atau berkomputer yang dijana sepenuhnya dalam teks *Sejarah Melayu* (cf Ahmad, 1977; Che Ross, 1983; Mahmudi, 1990; dan Salleh ed., 1997).

FRASA ADVERBA

Zainal Abidin bin Ahmad @ Za’ba (1965) berpendapat bahawa perkataan sifat yang dinamakannya sebagai sifat kata itu adalah yang dimaksudkan dengan frasa adverba. Adverba adalah kata atau rangkai kata yang mempunyai beberapa fungsi khusus, iaitu menerangkan perbuatan dan juga sifat keadaan subjek dalam ayat (Za’ba, 1965). Manakala Asmah Haji Omar, dalam bukunya yang bertajuk *Nahu Kemas Kini* (2008) dan *Nahu Melayu Mutakhir* (2009), menjelaskan adverba sebagai kata yang menerangkan kata kerja dalam predikat ayat (Omar, 2008 dan 2009).

Manakala Nik Safiah Karim, dalam bukunya yang bertajuk *Liku-liku Bahasa: Ke Arah Penggunaan Bahasa yang Baik, Betul, dan Indah* (2007), pula menjelaskan bahawa kata adverba adalah perkataan yang menerangkan kata kerja, kata adjektif, atau frasa sendi nama (Karim, 2007). Pendapat ini sealiran dengan keterangan Nik Safiah Karim *et al.*, dalam bukunya yang bertajuk *Tatabahasa Dewan* (2008), yang menerima kata adverba sebagai keterangan ke atas kata kerja, kata adjektif, dan frasa adverba itu sendiri. Namun, Nik Safiah Karim *et al.* (2008) masih mempertahankan adverba sebagai kata yang dapat menerangkan

frasa sendi (cf Karim *et al.*, 2002; Karim *et al.*, 2005; dan Karim *et al.*, 2008).

Abdullah Hassan, dalam bukunya yang bertajuk *Morfologi: Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu* (2006), pula melihat dengan pengertian yang bertentangan, dengan menjelaskan bahawa adverba adalah perkataan atau frasa yang berfungsi menerangkan kata, frasa atau klausa kerja, adjektif dan adverba itu sendiri. Semua aktiviti dalam kata kerja dan keadaan yang ditunjukkan oleh kata kerja, kata adjektif, dan kata adverba itu mempunyai sifat atau cara. Cara dan keadaan suatu perbuatan dan kata adjektif itulah yang dimaksudkan adverba (Hassan, 2006).

Tokoh bahasa yang lain, seperti Sutan Takdir Alisjahbana, dalam bukunya yang bertajuk *Tatabahasa Baru Bahasa Melayu/Indonesia II* (1964), menjelaskan bahawa kata keterangan atau adverba ini adalah kata yang dilihat berbeza daripada kata keadaan (adjektif), yakni memberi keterangan bukan kepada substantif (kata nama), tetapi kata kerja atau kenyataan yang disebut oleh sesuatu kalimat (Alisjahbana, 1964).

Manakala C.A. Mees, dalam bukunya yang bertajuk *Tatabahasa dan Tatakalimat* (1969), menjelaskan bahawa istilah “kata keterangan” itu kurang jelas maksudnya, kerana ertinya yang terlalu luas. Sementara perkataan “adverbi” (adverbial) itu pula terlalu sempit maksudnya. Namun begitu, beliau menerangkan bahawa:

[...] “adverbial atau adverba” itu dapat berfungsi: menerangkan verba dalam segala fungsinya, menerangkan adjektif dalam segala fungsinya, menerangkan adverbial yang lain, menerangkan kata bilangan, menerangkan predikat kalimat (tidak kira jenis kata apa predikat itu), serta menegaskan subjek dan predikat kalimat (Mees, 1969).

Tegasnya pula, adverbial itu dapat diertikan menurut beberapa subgolongan, yang boleh dibincangkan

dalam jenis dan fungsi frasa adverba (Mees, 1969). Bagi Arbak Othman (1981) pula, kata adverba itu adalah perkataan yang dapat menerangkan kata kerja, kata sifat, kata adverba, dan seluruh maksud ayat. Beliau melihat kata adverba sebagai tambahan pada rangkaian kata predikat, kerana kata sifat dan kata kerja yang diterangkan itu dapat berfungsi sebagai predikat ayat (Othman, 1981). Kata adverba ini tidak boleh berdiri sendiri, sama ada sebagai subjek mahupun predikat ayat, kecuali yang sudah berubah fungsinya sebagai kata sifat ataupun kata kerja.

Rumusannya, frasa adverba adalah kata, atau frasa, atau klausa, yang dapat menerangkan kata kerja, kata sifat atau kata adjektif, dan kata adverba itu sendiri. Maksud frasa adverba ini selaras dengan data tiga fungsi frasa adverba dalam teks kajian, iaitu: kata adverba dan fungsinya sebagai keterangan kata kerja, kata adjektif, dan kata adverba itu sendiri. Dalam hal ini, beberapa tokoh bahasa positif dengan rumus (definisi yang dicadangkan ini), iaitu Zainal Abidin bin Ahmad @ Za’ba (1965 dan 2000); Arbak Othman (1981); dan Abdullah Hassan (2006). Atau sebagai tanda aras, boleh juga ditujuk karya-karya pakar bahasa yang lain, contohnya H. Eaton (1940); C.C. Fries (1952); H.A. Gleason (1961); Eugene A. Nida (1963); Wilfred P. Lehmann (1971); Randolph Quirk & Sidney Greenbaum (1978); John Sinclair ed. (1991); Lutfi Abas (1992); Ferdinand de Saussure (1993); Antionette Renouf (1997); and R.L. Trask (1999).

Unsur-unsur dalam Frasa adverba.

Ada beberapa jenis kata yang menjadi unsur dalam frasa adverba, yang boleh wujud dalam bentuk adverba minimal atau rentetan kata adverba (Omar, 2009). Lihat frasa yang dicondongkan.

Pertama, Frasa Bilangan sebagai Frasa Adverba Kekerasan. Contoh ayat: (1) “Orang itu sudah dua kali menjadi ratu cantik”; dan (2) “Kita seharusnya menjenguk mereka sekali-

sekala". Frasa yang ditulis condong pada ayat 1 dan ayat 2 adalah frasa bilangan yang berfungsi sebagai adverbial kekerapan.

Kedua, Frasa Sifat sebagai Frasa Adverba Gaya. Contoh ayat: (1) "Dia berjalan *cepat*"; dan (2) "Dia berlari *dengan pantas*". Frasa yang ditulis condong pada ayat 1 dan ayat 2 adalah frasa sifat yang berfungsi menerangkan gaya perbuatan *berjalan* dan *berlari*.

Ketiga, Frasa Benda sebagai Frasa Adverba daripada Nama. Contoh ayat: (1) "Kami akan berangkat *pagi besok*"; dan (2) "*Tahun lepas* durian kami tidak berbuah sama sekali". Frasa yang ditulis condong, iaitu *pagi besok* dan *tahun lepas*, pada ayat 1 dan ayat 2 adalah dari jenis kata nama yang berfungsi sebagai frasa adverbial waktu.

Keempat, Frasa Adverba daripada Frasa Preposisi Frasa Benda. Frasa adverbial ini adalah cantuman antara satu preposisi, yang diikuti oleh satu kata nama benda atau sifat yang sempurna. Contohnya: *dengan baik*, *dari saya*, *kepada dia*, dan sebagainya. Frasa adverbial ini berfungsi menerangkan sifat nama benda atau suatu sifat yang sempurna juga. Contoh ayat: (1) "Anak itu dijaganya *dengan baik*"; dan (2) "Surat itu datang *dari saya*".

Ada juga frasa preposisi yang melibatkan percantuman dua frasa preposisi atau lebih, atau pelapisan frasa nama ke dalam frasa preposisi. Contoh ayat: (1) "*di rumah di seberang*"; dan (2) "seperti kerbau *di kubangnya*". Kesemua perkataan condong dalam ayat 1 dan ayat 2, iaitu *di rumah di seberang* dan *di kubangnya* dapat menerangkan frasa adverbial arah atau tempat dan adverbial cara.

Kelima, Kata Bantu sebagai Adverba. Ada dua jenis kata bantu, iaitu kata bantu aspek dan kata bantu ragam. Menurut Abdullah Hassan *et al.* (2006), kata bantu ini sentiasa hadir bersama-sama perbuatan (Hassan *et al.*, 2006). Pertamanya, kata bantu aspek

berfungsi menerangkan aspek masa sesuatu perbuatan. Contoh ayat: (1) "Samri *masih* duduk di beranda itu"; dan (2) "Ahmad *sudah* bertugas sejak sepuluh tahun lalu".

Keduanya, kata bantu ragam, iaitu kata yang berfungsi menerangkan ragam sesuatu perbuatan. Contoh ayat: (1) "Shalin Zulkifli *mahu* merampas kembali kedudukan carta pertama Bowling dunia"; dan (2) "Sarjan Hashim *enggan* berundur dari kubu utama itu walaupun semua kawan-kawannya telah gugur".

Ada juga kata bantu yang hadir serentak, seperti ayat berikut: (1) "Dia *masih belum* datang kerja walaupun sudah lewat"; (2) "Rashid Sidek *sudah pernah* menyandang gelaran pemain nombor satu dunia"; dan (3) "Durian *mesti akan* luruh apabila masak".

Ayat 1 dan ayat 2 di atas adalah gabungan kata bantu aspek, iaitu *masih belum* dan *sudah pernah*, yang fungsinya adalah untuk menegaskan lagi perbuatan *datang* dan *menyandang*. Manakala pada ayat 3 adalah gabungan kata bantu aspek dan kata bantu ragam, iaitu *mesti akan*. Fungsinya adalah untuk menjelaskan waktu dan ragam perbuatan pada masa yang sama.

Keenam, Kata Penguat sebagai Adverba. Ada dua jenis kata penguat, iaitu penguat depan dan penguat belakang. Fungsi kata penguat ialah untuk memberi tekanan maksud pada sifat. Oleh itu, kata penguat ini mesti selalu bersama dengan kata sifat (Hassan, 2004).

Pertamanya, penguat depan hadir sebelum perbuatan. Contoh ayat: (1) "Lepasan guru dari MPSI, atau Maktab Perguruan Sultan Idris, *amat berpengaruh* sebagai pemangkin semangat patriotik di Tanah Melayu pada sekitar 1920-an"; dan (2) "Dia *sangat menyesal* atas perbuatan tidak eloknyanya semasa muda dahulu".

Keduanya, penguat belakang yang diletakkan pada bahagian belakang

perbuatan. Fungsinya adalah sama, iaitu menguatkan maksud perbuatan yang disusulinya. Contoh ayat: (1) “Bakar marah sungguh dengan anaknya kerana tidak mahu pergi ke sekolah hari itu”; dan (2) “Aminah kecewa sekali dengan sikap suaminya yang selalu ambil ringan tentang hal-ehwal rumahtangga mereka”.

Sub-Golongan Frasa Adverba.

Asmah Haji Omar (1993 dan 2009) membahagikan frasa adverba kepada 29 sub-golongan, seperti berikut:

Pertama, Frasa Adverba Kekelapangan.

Contoh frasa yang digunakan: *sekali, dua kali, beberapa kali, seringkali, selalu, kadang-kadang, jarang, banyak kali, berulang kali*. Contoh ayat: (1) “Jikalau sekiranya tiada suluh di tanganku, dan cermin mata itu kupakai, nescaya ***banyak kali*** sudah aku terperosok ke dalam limbah dan parit yang penuh pada tiap-tiap lorong dan jalan”, dipetik daripada *Hikayat Abdullah*; dan (2) “Emaknya ***seringkali*** menerima jemputan memasak terutamanya ketika kenduri kahwin”.

Kedua, Frasa Adverba Tempat.

Contoh frasa yang digunakan: *di tepi pantai, di bandar, di seberang, di tempat itu, di rumah itu, di Kuala Lumpur, di luar, di sana, di dalam, di situ, di sini, di atas, di bawah, di depan, di belakang, di sisi, di tepi, pada saya, pada orang itu, pada fikiran saya*. Contoh ayat: (1) “Kemalangan itu berlaku ***di belakang*** panggung Sri Nagar Kota Kinabalu”; dan (2) “Maka menjadi ramailah pula orang yang menyabung ***di situ***”, dipetik daripada *Hikayat Abdullah*.

Ketiga, Frasa Adverba Gaya. Contoh frasa yang digunakan: *cepat, dengan tersedu-sedu, dengan keras, dengan rancak, dengan cepat-cepat, bekerja kuat-kuat*. Contoh ayat: (1) “Hanya ***dengan keras*** hatinya diturutnya juga adat-adat bodoh itu, sebab telah turun-temurun daripada nenek-moyang bodoh juga”, dipetik daripada *Hikayat*

Abdullah; dan (2) “Pasangan penari itu menari ***dengan rancak*** sekali”.

Keempat, Frasa Adverba Penyertaan.

Contoh frasa yang digunakan: *dengan dia, dengan Minah, bersama adik awak*. Contoh ayat: (1) “Maka aku pergilah melihat ***bersama-sama***”, dipetik daripada *Hikayat Abdullah*; dan (2) “Zizah pergi ke pasar ***bersama adiknya***”.

Kelima, Frasa Adverba Kiasan.

Contoh frasa yang digunakan: *laksana, seperti, umpama, seolah-olah, seakan-akan, semacam, bagaikan, tidur ayam, jinak merpati, pekak badak, dan taubat nasoha*. Contoh ayat: (1) “Maka jikalau ringgit ini, ***seperti*** basuh tangan adanya”, dipetik daripada *Hikayat Abdullah*; dan (2) “Gadis itu berwajah ayu ***laksana*** bulan purnama”.

Keenam, Frasa Adverba Manfaat.

Contoh frasa yang digunakan: *kepada adiknya, dari persatuan guru, untuk dia, untuk negara*. Contoh ayat: (1) “Leftenan Adnan sedia berkorban untuk negara Malaysia”, iaitu untuk menunjukkan maksud manfaat sesuatu perbuatan; dan (2) “Tukimin memberikan hadiah itu ***kepada adiknya***”.

Ketujuh, Frasa Adverba Alat.

Contoh frasa yang digunakan: *dengan pisau, dengan keretapi, dengan tangan, dengan batu*. Contoh ayat: (1) “Adalah kasarnya seperti ibu kaki, kemudian lubang yang tersebut itu disuruhnya tutup, serta ditumbuk rapat-rapat ***dengan batu*** dan tanah diasak”, dipetik daripada *Hikayat Abdullah*; dan (2) “Dia pergi ke sekolah ***dengan bas***”.

Kedelapan, Frasa Adverba Cara.

Contoh frasa adverba yang digunakan: *dengan berbisik, dengan memekik, kahwin lari, serang hendap, begini, begitu, demikian*. Contoh ayat: (1) “Dengan berbisik Aminah memberitahu ibunya bahawa dia akan ke Kuala Lumpur esok”; dan (2) “Melainkan ia tunduk sahaja ***dengan*** muka yang manis”, dipetik daripada *Hikayat Abdullah*.

Kesembilan, Frasa Adverba Arah.

Contoh frasa yang digunakan: *dari,*

melalui, ke dan kepada, seperti dari rumah, dari hulu, dari arah itu, kepada ibu, ke hilir, ke arah kami, ke utara.

Contoh ayat: (1) “Apabila kedengaran, maka disambutlah ***dari*** darat”, dipetik daripada *Hikayat Abdullah*; dan (2) “Serangan Jepun itu bermula dari utara Semenanjung Malaysia”.

Kesepuluh, **Frasa Adverba Waktu.**

Contoh frasa yang digunakan: *sekarang, tadi, kini, semalam, apabila, bila, ketika, tatkala, manakala, pada masa, pada waktu, semasa, sewaktu, sekembali, sepulang, setiba, sepergi, sebelum, sesudah, hari ini, minggu lalu, bulan depan, pukul sepuluh pagi, pada minggu ketiga, pada masa itu, dalam tahun ini, pada bulan Safar*. Contoh ayat: (1) “Jeha teringat kepada anak-anak yang tujuh orang itu ***apabila*** lakinya tak boleh berjalan”; dan (2) “Jeha bangun pagi itu dengan penuh kelesuan sesudah ***semalam*** suntuk tidak tidur”, dipetik daripada novel *Ranjau Sepanjang Jalan*.

Kesebelas, **Frasa Adverba Muasal.**

Contoh frasa yang digunakan: *dari marmar, dari kulit, dari kayu, dari rumput*. Contoh ayat: (1) “Baik yang terbit ****dari**** tanah, sekalian perkara yang tersebut sekaliannya menjadi duit belaka”, dipetik daripada *Hikayat Abdullah*; dan (2) “Lantai rumah Amil Musataf diperbuat dari marmar putih”.

Keduabelas, **Frasa Adverba Durasi.**

Contoh frasa yang digunakan: *sentiasa, sebentar, sekejap, sepanjang, selagi, selama sehari-hari, semalam-malaman, sepanjang tahun, sepanjang hayat, sepanjang hari, selagi kita tinggal di sini, selagi kita bekerja keras*. Contoh ayat: (1) “Adapun selama ia tinggal di rumah itu tiadalah berani perempuan berjalan-jalan di lorong-lorong itu, sebab takut dipernakalkannya”; dan (2) “Maka itulah nama rumah itu ***selama-lamanya***”, dipetik daripada *Hikayat Abdullah*.

Ketigabelas, **Frasa Adverba**

Perbatasan. Contoh frasa yang digunakan: *hanya, cuma, sahaja, hanya*

dengan sahaja. Contoh ayat: (1) “Minah balik ke kampung cuma sekali pada tahun lalu”; dan (2) “Alfredo sahaja yang mampu merejam lembing pada tahap lima puluh meter”.

Keempatbelas, **Frasa Adverba**

Perhinggaan. Contoh frasa yang digunakan: *sampai, hingga, hingga akhir bulan, hingga pukul dua, hingga habis cutinya, sampai tetamu tiba, mati-matian, habis-habisan*. Contoh ayat: (1) “Kursus komputer itu akan berlangsung hingga akhir bulan ini”; dan (2) “Mat Salleh berjuang habis-habisan bagi menumpaskan penjajah Inggeris di Pulau Gaya Sabah”.

Kelimabelas, **Frasa Adverba**

Kesungguhan. Contoh frasa yang digunakan: *langsung, betul-betul, benar-benar, sama sekali* dalam sesuatu frasa atau ayat. Contoh ayat: (1) “Bencana alam ‘Tsunami’ yang melanda wilayah Aceh sama sekali meranapkan persekitaran bandar Aceh, bak kata pepatah seperti padang jarak padang tekukur”; dan (2) “Minah Cik benar-benar terseksa dengan sikap tidak bertanggungjawab suaminya”.

Keenambelas, **Adverba Permulaan.**

Contoh frasa yang digunakan: *sejak, mula, semenjak, sejak perang dulu, mula dari pagi, semenjak dia kecil lagi*. Contoh ayat: (1) “Maka ***semenjak*** sudah jadi chapel itu maka penuh sesak berpuluh-puluh kereta di tengah jalan”, dipetik daripada *Hikayat Abdullah*; dan (2) “Karim sentiasa dalam ketakutan sejak menerima ugutan bunuh”.

Ketujuhbelas, **Frasa Adverba Tujuan.**

Contoh frasa yang digunakan: *supaya, agar, agar supaya, untuk supaya lekas naik pangkat, agar selamat sejahtera, agar supaya tidak didengar orang, membawa orang sakit ke hospital, gemar, benci, suka, ingin, pergi, masuk*. Contoh ayat: (1) “Nahidah menerangkan bahawa dia mahu ***supaya*** Narto terhalau”, dipetik daripada novel *Salina*; dan (2) “Jambangan bunga ros itu digubah oleh Amran untuk kekasihnya”.

Kedelapanbelas, **Adverba Syarat.**

Contoh frasa yang digunakan: *jika, kalau, jikalau, andaikata, seandainya, sekiranya*. Contoh frasa dan ayat: (1) “*Jika* keadaan kewangan mengizinkan”; dan (2) “*Jikalau* ****sekiranya**** bercerai nyawa daripada badan, maka pada waktu itulah bercerai daripadanya”, dipetik daripada *Hikayat Abdullah*.

Kesembilanbelas, Adverba Tolak Ansur. Contoh frasa yang digunakan: *sungguhpun, meskipun, walaupun, setinggi-tinggi, sependai-pandai, sekaya-kaya*. Contoh ayat: (1) “*Sepandai-pandai* tupai melompat”; dan (2) “Maka ****sungguhpun**** dibuat demikian, juga orang bersembunyi-sembunyi”, dipetik daripada *Hikayat Abdullah*.

Keduapuluh, Adverba Pemastian. Contoh frasa yang digunakan: *pasti, tentu, tentu sekali*. Contoh frasa dan ayat: (1) “Kau kacau bininya bertelur ****tentu****.” Tapi Jeha tidak juga bergerak”, dipetik daripada novel *Ranjau Sepanjang Jalan*; dan (2) “Leman *tentu sekali* amat mencintai gadis pilihan ibunya itu”.

Keduapuluh satu, Frasa Adverba Kejauhan. Contoh frasa yang digunakan: *dua batu, lima kilometer*. Contoh ayat: (1) “Kejadian cabul terhadap gadis bawah umur itu berlaku *dua batu* dari rumah mangsa”; dan (2) “Pendaki itu terpaksa berjalan *beberapa kilometer* sebelum sampai ke kemuncak Gunung Kinabalu”.

Keduapuluh dua, Adverba Sebab-Musabab. Contoh frasa yang digunakan: *sebab, kerana, oleh sebab, oleh kerana cerai mati* (frasa *kerana* ditiadakan walaupun wujud, kerana frasa ini berbentuk peribahasa). Contoh ayat: (1) “Maka ditaruhnya nama anaknya itu Syed Abdul Kadir, dari ****sebab**** mengambil berkat nama bapanya”, dipetik daripada *Hikayat Abdullah*.

Keduapuluh tiga, Frasa Adverba Permakinan. Contoh frasa yang digunakan: *makin dan semakin*. Contoh frasa dan ayat: (1) “*Semakin* cepat”; dan (2) “Maka orang pun ****makin**** rapat”, dipetik daripada *Hikayat Abdullah*.

Keduapuluh empat, Frasa Adverba Pertanyaan. Contoh frasa yang digunakan dapat dilihat seperti berikut: (1) Tempat, contoh frasa: *di mana?*; (2) Waktu, contoh frasa: *bila, pukul berapa?*; (3) Arah, contoh frasa: *ke mana, dari mana?*; (4) Muasal, contoh frasa: *dari apa?*; (5) Penyertaan, contoh frasa: *dengan siapa?*; (6) Gaya, contoh frasa: *bagaimana, macam mana?*; (7) Cara, contoh frasa: *bagaimana, macam mana, dengan cara bagaimana?*; (8) Musabab, contoh frasa: *mengapa, kenapa, apa sebab, sebab apa, apa pasal, hingga mana?*; (9) Perhinggaaan, contoh frasa: *sejak bila, hingga bila, sampai mana, hingga mana?*; (10) Permulaan, contoh frasa: *sejak bila, dari bila?*; (11) Tujuan, contoh frasa: *untuk siapa, buat apa?*; (12) Manfaat, contoh frasa: *untuk siapa, dari siapa?*; (13) Bilangan, contoh frasa: *berapa, berapa orang, berapa ekor?*; (14) Kejauhan atau jarak, contoh frasa: *berapa jauh?*; (15) Durasi, contoh frasa: *berapa lama?*; serta (16) Ukuran, saiz, dan kapasiti, dengan contoh frasa: *berapa besar, berapa berat?*.

Keduapuluh lima, Frasa Adverba Mentara. Contoh frasa yang digunakan: *sementara, sambil*. Contoh frasa dan ayat: (1) “*Sambil* berbual-bual”; dan (2) “Maka kataku, ‘Inilah ketika baik kita berjalan ****sementara**** belum terbit matahari ini’”, dipetik daripada *Hikayat Abdullah*.

Keduapuluh enam, Frasa Adverba Rujukan. Contoh frasa yang digunakan: *menurut, mengikut, berhubung dengan, merujuk kepada, berdasarkan, berdasarkan kepada, berkenaan dengan, sekehendak, semahu, sesuka*. Contoh frasa atau ayat: (1) “*Semahu-nya*”; dan (2) “*Sekehendak* hati kita”.

Keduapuluh tujuh, Frasa Adverba Agentif. Contoh frasa yang digunakan: *oleh*. Contoh frasa dan ayat: (1) “*Oleh* Ahmad”; dan (2) “Pokok itu ditebang *oleh* tukang kayu”.

Keduapuluh delapan, Frasa Adverba Anafora. Contoh frasa yang

digunakan dapat dilihat seperti berikut: (1) Musabab, contoh frasa: *oleh itu, oleh, kerana itu, oleh sebab itu, sebab itu, dari itu*; (2) Cara, contoh frasa: *dengan itu, dengan demikian, dengan demikian itu, oleh yang demikian, dengan hal yang demikian*; (3) Waktu, contoh frasa: *kemudian, sesudah itu, sebelum itu, lalu, pada masa itu, ketika itu, tatkala itu*; (4) Kebarangkalian, contoh frasa: *barangkali, boleh jadi, agaknya, mungkin*; (5) Tolak ansur, contoh frasa: *bagaimanapun juga, walau bagaimanapun juga, sungguhpun demikian, sungguhpun begitu, meskipun demikian, namun, namun demikian, namun begitu*; (6) Syarat, contoh frasa: *jika demikian, jika begitu, jikalau demikian, jikalau begitu*; (7) Tokokan, contoh frasa: *tambahan lagi, tambahan pula, lagi pula, lagipun, lebih-lebih lagi, apa lagi, di samping*; (8) Akibat, contoh frasa: *jadi, maka, alhasil, akibatnya*; atau contoh frasa lainnya: *loceng berbunyi kerana, maka murid-murid pun, jadi polis pun*; serta (9) Perlawanan, contoh frasa daripada jenis frasa preposisi seperti: *sebaliknya*.

Keduapuluh sembilan, **Frasa Adverba Perbandingan**. Contoh frasa yang digunakan adalah seperti berikut: (1) Tingkat ketiadaan, seperti: *tidak baik, tidak rajin, tidak lurus, tidak jahat, dan tidak murah*; (2) Tingkat kekurangan, seperti: *kurang baik, kurang rajin, kurang sedap, dan kurang licin*; (3) Tingkat keagakan, seperti: *agak baik, agak rajin, agak malas, agak luas, agak selesa, agak cepat, dan agak lambat*; (4) Tingkat neutral, seperti: *cantik, bagus, buruk, malas, dan kecil*; (5) Tingkat kelebihan, seperti: *lebih cantik, lebih bagus, lebih baik daripada, dan lebih kecil dari*; (6) Tingkat kepalingan, seperti: *tercantik, terburuk, dan tertinggi*; serta (7) Tingkat kesangatan, seperti: *sangat baik, amat jahat, dan bagus sekali*. Maha sebagai partikel yang bermakna juga “amat” dan “sangat”.

Asmah Haji Omar (1993 dan 2009) meletakkan fungsi khusus bagi frasa

adverba, yakni sebagai keterangan kepada perbuatan tetapi dalam masa yang sama membuat perincian sub-golongan yang memaparkan kepelbagaian fungsi adverba dalam bahasa Melayu (Omar, 1993 dan 2009). Ini memberi gambaran bahawa huraian beliau masih mempunyai keselarasan dengan ahli tata-bahasa bahasa Melayu yang lain, seperti Zainal Abidin bin Ahmad @ Za'ba (1965 dan 2000); Sutan Takdir Alisjahbana (1964); dan Nik Safiah Karim *et al.* (2008), yang sememangnya meletakkan beberapa fungsi frasa adverba tersebut.

DAPATAN PENYELIDIKAN

Struktur Frasa Adverba dalam Ayat. Kedudukan frasa adverba dalam struktur ayat dasar adalah pada adjung ayat. Namun daripada penelitian ke atas teks *Sejarah Melayu* didapati tiga kedudukan dominan mengenai posisi adverba dalam struktur ayat, iaitu: adjung tengah, adjung pangkal ayat, dan adjung hujung. Gaya bahasa klasik yang digunakan dalam teks *Sejarah Melayu* dilihat oleh Asmah Haji Omar (2009) sebagai faktor yang membenarkan kewujudan frasa adverba pada tempat-tempat yang dimaksudkan (Omar, 2009).

Jadual 2 memaparkan taburan kekerapan frasa adverba dalam teks *Sejarah Melayu*, mengikut kedudukannya, iaitu pada pangkal ayat, tengah ayat, dan hujung ayat. Terdapat 2,338 ayat sahaja yang benar-benar memperlihatkan kewujudan frasa adverba dalam struktur ayat; serta memperlihatkan fungsi frasa adverba dalam teks *Sejarah Melayu*. Daripada jumlah tersebut, frasa adverba yang terletak pada adjung pangkal ialah 273 frasa (11.67%). Manakala 1,881 frasa adverba (84.81%) berada pada kedudukan adjung tengah ayat, yakni nilai terbesar diperolehi dalam teks kajian ini. Ini bermakna bahawa kerangka teori yang menyatakan frasa adverba terletak pada kedudukan adjung

hujung semata-mata boleh disangkal. Daripada jumlah 2,338 frasa adverba dalam teks *Sejarah Melayu*, hanya 184 (7.86%) frasa adverba sahaja berada pada kedudukan adjung hujung ayat.

Sub-golongan frasa adverba tertinggi dicatatkan pada kedudukan adjung hujung ayat, ialah frasa adverba agentif sejumlah 28 frasa (15.21%). Ini diikuti dengan 27 frasa (14.67%) adverba arah; 20 frasa (10.86%) adverba penyertaan; 16 frasa (8.69%) adverba perbandingan; 14 frasa (7.60%) bagi adverba tempat dan adverba kekerapan. Manakala frasa adverba manfaat ada 11 frasa (5.97%); 8 frasa (4.34%) untuk adverba pemastian; 6 frasa (3.26%) untuk adverba cara; 4 frasa (2.17%) untuk adverba durasi dan adverba gaya; serta 2 frasa (1.08%) untuk adverba alat.

Selain itu, frasa adverba perhinggaaan, frasa adverba kiasan, dan frasa adverba pertanyaan merupakan jenis adverba yang paling sedikit berada pada kedudukan adjung pangkal ayat, yakni masing-masing satu frasa atau 0.54 peratus. Manakala frasa adverba, seperti adverba syarat, adverba permaknaan, adverba mentera, adverba musabab, adverba tujuan, adverba perbatasan, adverba muasal, adverba permulaan, adverba tolak ansur, adverba kejauhan, adverba anafora, dan frasa adverba rujukan tidak ada contoh pada kedudukan adjung hujung ayat.

Daripada teks ini juga didapati bahawa frasa adverba tertinggi pada struktur adjung pangkal ayat ialah frasa adverba syarat, dengan 132 frasa (48.35%). Ini diikuti oleh frasa adverba kesungguhan dan frasa adverba waktu, masing-masing 52 frasa (19.05%) dan 35 frasa (12.82%). Selain itu, frasa adverba kekerapan ada 17 frasa (6.23%); frasa adverba durasi ada 16 frasa (5.86%); frasa adverba pemastian ada 9 frasa (3.29%); dan frasa adverba cara ada 7 frasa (2.56%). Jenis adverba paling sedikit pada adjung pangkal ayat ialah frasa adverba pertanyaan ada 4 frasa (1.46%) dan frasa adverba tolak

ansur ada 2 frasa (0.73%). Jenis frasa adverba selebihnya tidak ada contoh dalam teks *Sejarah Melayu*.

Frasa adverba pada kedudukan adjung tengah ayat merupakan kuantiti paling banyak dalam teks kajian. Daripada jadual 2, paling tinggi dicatatkan adalah dari jenis frasa adverba waktu ada 419 frasa (22.27%). Frasa adverba yang lain, seperti frasa adverba syarat ada 210 frasa (11.16%); frasa adverba arah ada 188 frasa (9.99%); frasa adverba pemastian ada 143 frasa (7.60%); dan frasa adverba agentif ada 124 frasa (6.59%). Manakala antara frasa adverba paling sedikit adalah adverba permulaan dengan 2 frasa (0.10%) dan frasa adverba kejauhan dengan 1 frasa (0.05%).

Daripada penelitian ini didapati bahawa frasa adverba rujukan adalah tidak aktif, kerana tidak ada contoh penggunaannya dalam *Sejarah Melayu*. Namun, daripada akhbar Melayu lama didapati 6 ayat dalam *Majalah Guru*, 5 ayat dalam majalah *Al-Imam* (Mat Ton, 2000); dan 1 ayat dalam novel *Salina*, yang diambil sebagai data tambahan (Che Ross, 1985).² Data mengenai frasa adverba dipaparkan dalam Jadual 2.

Contoh Frasa Adverba Adjung Pangkal Ayat. Berikut ini dipaparkan beberapa contoh frasa adverba dalam adjung pangkal ayat dan berfungsi menerangkan seluruh kata, iaitu: (1) “****Jikalau diberipun**** dialap, jikalau tiada pun dialap juga”; (2) “****Jikalau dianugerahkan**** pun diteda, jikalau tiada anugerahkan pun diteda”; (3) “****Jikalau orang bertemu**** dengan gajah itu dalam paya atau dalam duri, maka tiada dapat diambil”; (4) “****Terlalu sekali**** tuan, kesukaannya orang menjirat gajah”; (5) “****Terlalu sekali besar**** kerajaan baginda”; (6) “****Demikianlah**** bunyi titah Yang

²Sila tengok, sebagai perbandingan, *Al-Imam* [majalah], Singapore: Julai 1906 – Disember 1908; A. Samad Said, *Salina*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995; dan *Majalah Guru*, Koleksi daripada Raimy Che Ross: 1924-1932 (Seremban), 1932-1938 (Kuala Lumpur), dan 1939-1941 (Penang).

Jadual 2:
 Taburan Kekerapan Frasa Adverba
 Mengikut Kedudukan Adjung Pangkal, Adjung Tengah, dan Adjung Hujung Ayat

Bil	Jenis Frasa Adverba	Kata Adverba	Adjung Pangkal Ayat	Adjung Tengah Ayat	Adjung Hujung Ayat	Jumlah
01	Frasa Adverba Waktu	sudah	14	235	0	253
		telah	3	48	0	51
		sekarang	7	27	9	43
		kelak	0	25	0	25
		belum	0	23	0	23
		kemudian	9	9	2	20
		sedang	1	15	0	16
		baharu	0	16	0	16
		tadi	0	9	3	12
		pada masa	0	6	0	6
		pada waktu	0	2	0	2
		sejak	1	1	0	2
		sebentar	0	1	0	1
		kini	0	1	0	1
dulu	0	1	0	1		
02	Frasa Adverba Tempat	di dalam	0	82	0	82
		di bawah	0	21	1	22
		di sana	0	12	7	19
		di luar	0	7	6	13
03	Frasa Adverba Gaya	keras	0	3	3	6
		kuat	0	4	0	4
		serta-merta	0	0	1	1
04	Frasa Adverba Cara	dengan keras	0	1	1	2
		demikian	7	72	5	84
05	Frasa Adverba Kesungguhan	begini	0	0	1	1
		begitu	0	1	0	1
		sangat	0	61	2	63
06	Frasa Adverba Syarat	amat	52	0	2	54
		hendak benar	0	2	0	2
		sekali	0	22	2	24
		jikalau	91	170	0	261
07	Frasa Adverba Permakinan	jika	36	35	0	71
		kalau	4	3	0	7
		selagi	1	1	0	2
		sekiranya	0	1	0	1
		makin	1	9	0	10
08	Frasa Adverba Arah	kian	0	0	0	0
		ke dalam	0	56	16	72
		ke bawah	0	49	2	51
		ke sana	0	13	4	17
		ke luar	0	6	0	6
		ke sini	0	2	3	5
		dari	0	9	0	9
		kepada	0	8	0	8
		pada	0	6	0	6
		daripada	0	1	0	1
		ke sana-sini	0	0	1	1
		ke sana ke mari	0	1	0	1
		dari kanan... ke kiri, dari kiri... ke kanan	0	1	0	1
		Kata Sendi + KN	ke	0	37	0
09	Frasa Adverba Pemastian	dapat	0	81	4	85
		jadi	0	48	0	48
		boleh	0	5	0	5
		sekali-kali	0	0	1	1
		mahu	0	1	0	1
		tentu	0	0	1	1

Bil	Jenis Frasa Adverba	Kata Adverba	Adjung Pangkal Ayat	Adjung Tengah Ayat	Adjung Hujung Ayat	Jumlah		
10	Frasa Adverba Kekerapan	sekali	17	28	8	53		
		terkadang	0	2	0	2		
		sekali-sekali	0	2	2	4		
		berapa-berapa	0	2	0	2		
		beberapa	0	1	0	1		
		beberapa kali	0	4	0	4		
	Kata Bilangan + Kali	berapa	0	1	0	1		
		dua belas kali	0	0	1	1		
		dua tiga kali	0	2	0	2		
		tiga puluh dua kali	0	0	1	1		
		empat lima belas kali	0	1	0	1		
		tiga kali	0	1	0	1		
		dua kali	0	4	0	4		
		tiada terkira akan banyaknya	0	1	0	1		
		tiada lagi terbilang banyak	0	1	0	1		
		"Tiada" + Kata Bilangan	tiada terbilang lagi peri banyaknya	0	0	1	1	
	tiada sekali-kali		0	1	0	1		
	11		Frasa Adverba Penyertaan	sekali	0	5	10	15
				sama-sama	0	14	1	15
		Serta		0	5	0	5	
turut		0		2	0	2		
berserta		0		3	0	3		
sertanya		0		0	10	10		
KD + KN Kata Bilangan + KK	dengan	0	27	5	32			
	semua orang berkampung	0	0	1	1			
	berapa puji akan	0	0	2	2			
	semua mengadap	0	1	0	1			
	pergi beramai-ramaian	0	1	0	1			
	sekalian datang	0	1	0	1			
	segala pihak negeri pun berkampunglah dilihat Hang Isa Pantas dan Hang Hasan Cengeng keduanya	0	1	0	1			
	keduanya fikir	0	1	0	1			
	sedang diadakan segala orang kampung	0	1	0	1			
	matahari dengan bulan tiada melihat	0	1	0	1			
	tiada terturut	0	1	0	1			
	tiada dengan titah	0	1	0	1			
	12	Frasa Adverba Mentera	sambil	0	4	0	4	
			seraya	0	3	0	3	
13	Frasa Adverba Musabab	sebab	1	48	0	49		
		kerana	0	33	0	33		

Bil	Jenis Frasa Adverba	Kata Adverba	Adjung Pangkal Ayat	Adjung Tengah Ayat	Adjung Hujung Ayat	Jumlah		
14	Frasa Adverba Kiasan	seperti	0	17	0	17		
		bagai	0	6	0	6		
		umpama	0	4	0	4		
	Kiasan Bebas	lari membiawak	0	0	1	1		
		jikalau ada untung kalau timbul	0	3	0	3		
		menghibur rasa berahi sehari	0	1	0	1		
		kerana perut panjang sejengkal	0	1	0	1		
		jikalau sekerat beras juga masuknya	0	1	0	1		
		bukan barang-barang orang	0	1	0	1		
		ibarat kehendak Raja Singapura	0	1	0	1		
		nyiur duduk umbi	0	1	0	1		
		bercerai barang sejadi	0	1	0	1		
		15	Frasa Adverba Alat Imbuan “ber” yang Berfungsi “dengan”.	K.D. “dengan” + K.N. Benda	0	8	2	10
				dengan payung	0	1	0	1
16	Frasa Adverba Durasi	selama	1	2	3	6		
		lama	0	5	0	5		
		semalam-malam	0	0	1	1		
		sentiasa	0	1	0	1		
	Kata bilangan + Masa	tiga malam	0	1	0	1		
		dua tiga hari	0	1	0	1		
		sehari	0	1	0	1		
		sentiasa	0	3	0	3		
17	Frasa Adverba Manfaat	berapa lama	15	45	0	60		
		kepada	0	14	10	24		
18	Frasa Adverba Tujuan	pada	0	3	1	4		
		supaya	0	14	0	14		
19	Frasa Adverba Perbatasan	hanya	0	4	0	4		
		saja	0	2	0	2		
20	Frasa Adverba Muasal	daripada muntah	0	2	0	2		
		dari dalam dunia	0	1	0	1		
		berbuat papan perahu	0	1	0	1		
21	Frasa Adverba Permulaan	sejak	1	1	0	2		
		semenjak	0	1	1	2		
22	Frasa Adverba Perhinggaan	sampai	0	29	0	29		
		hingga	0	2	0	2		
	KD + KN Menunjukkan Maksud “hingga” Kata Kerja, iaitu “datang” Berfungsi sebagai “hingga”	sehingga	0	1	0	1		
		dari & ke + KN	0	2	1	3		
23	Frasa Adverba Tolak Ansur	datang sekarang	1	3	0	4		
		sekalipun	2	7	0	9		
24	Frasa Adverba Kejauhan	hampirlah	0	22	0	22		
		dekat	0	1	0	1		

Bil	Jenis Frasa Adverba	Kata Adverba	Adjung Pangkal Ayat	Adjung Tengah Ayat	Adjung Hujung Ayat	Jumlah
25	Frasa Adverba Anafora	lalu (tokokan)	0	1	0	1
		lalu (waktu)	0	2	0	2
		sekira-kira (kebarangkalian)	0	2	0	2
26	Frasa Adverba Agentif	oleh	0	124	28	152
27	Frasa Adverba Pertanyaan	apa sebab (musabab)	0	6	1	7
		mengapa (musabab)	4	15	0	19
		ke mana (arah)	0	3	0	3
		dari mana (arah)	0	2	0	2
28	Frasa Adverba Rujukan	tiada ayat yang diperolehi	0	0	0	0
29	Frasa Adverba Perbandingan	sungguh sekali	0	1	0	1
		terlalu sekali amat	0	1	0	1
		terlalu amat baik	0	2	4	6
		terlalu amat	0	8	2	10
		terlalu	0	1	0	1
		terlalu sangat dikasihi	0	6	2	8
		terlalu sangat	1	4	3	8
		sekali	0	2	0	2
		sangat keras	0	1	0	1
		sangat sabur	0	1	0	1
		sangat kasih	0	13	0	13
		sangat-sangat	1	2	0	3
		terlalu sekali	1	4	2	7
		sekali-kali tiada	0	1	0	1
		terlalu keras	1	1	2	4
		cerdik amat	0	1	0	1
banyak amat	0	1	0	1		
tua sekali	0	6	1	7		
Jumlah frasa adverba mengikut kedudukan dalam struktur ayat			273	1,881	184	2,338

Maha Mulia itu”; (7) “*Sebab*” tubuh datuk itu berbulu, maka disebut orang Tun Mai Ulat Bulu”; (8) “*Bagai-bagai*” oleh orang mengubat, suatu pun tiada katanya”; (9) “*Berapa lamanya*” di jalan, maka sampailah ia ke Singapura”; dan (10) “*Sejak*” itulah segala Minangkabau, bertaubat tiada mau melawan Tun Biajit menyabung”.

Contoh Frasa Adverba Adjung Tengah Ayat. Frasa adverba adjung tengah merupakan bilangan tertinggi dalam teks *Sejarah Melayu* dan memperlihatkan pelbagai fungsi, contohnya seperti berikut: (1) “Maka Raja Culan pun *berkira-kira hendak*” menyerang negeri China”; (2) “Adapun yang kasad Uwan Seri

Beni *hendak*” diambilnya akan suaminya”; (3) “Maka Seri Nara al-Diraja *tiada*” muafakat dengan Paduka Raja”; (4) “Maka Raja Kida Hinda *terlalu amat*” sukacita oleh sebab anaknya bunting dengan Raja Iskandar”; (5) “Maka Uwan Empuk dan Uwan Malini pun menjadi kaya *sebab*” ia mendapat anak raja itu”; (6) “Adapun asal namanya Kelangkui, ertinya perbendaharaan permata, kerana kita *tiada tahu*” menyebut dia menjadi Langkawi”; (7) “Maka Tun Nara Wangsa pergi, *sebenar*” berjalan, bertemu dengan seorang perempuan membawa nasi dalam bakul”; (8) “Maka terlalulah adil baginda *pada*” memelihara segala ra’yat”; (9) “Maka harus engkau berbuat adil

dan saksama, ***supaya*** di sana dipelihara Allah Ta'ala kiranya engkau dalam akhirat"; dan (10) "Jikalau tuan kelak diperisteri ***oleh*** Raja Pahang bermadulah tuan dengan Raja Perempuan Pahang" (Salleh ed., 1997).

Contoh Frasa Adverba Adjung Hujung Ayat. Pernyataan kerangka teori dapat diterima sebagai relevan kerana wujud 184 frasa adverba adjung hujung dalam teks *Sejarah Melayu*. Contoh ayat-ayatnya adalah seperti berikut: (1) "Syahadan Betara pun sangat kasih akan Sultan Mansur Syah, dibawa baginda duduk ***sama-sama***"; (2) "Demikian lagi ***diturutinya***"; (3) "Maka diperikut oleh orang Melaka, sambil dibunuhnya, lalu dihimpunkan ke dalam kota ***sekali***"; (4) "Maka kata Sang Guna, 'Daripada hamba dihukumkan yang demikian ini baiklah hamba diikat, diserahkan pada Sang Sura supaya dibunuhnya ***sekali***'; (5) "Tiada suka tuan beranak ***dengan beta?***"; (6) "Telah kelihatan ghalias Feringgi, maka dibedilnya ***seperti hujan***"; (7) "Adapun bingkisnya sekeping tatal, tujuh depa panjangnya, ditara tiada putus syahadan nipis seperti kertas, digulung ***seperti laku subang***"; (8) "Maka keduanya lari ***berperahu***", ber- bermaksud dengan perahu; (9) "Galah dan pelangnya itu pun ada lagi ***datang (hingga) sekarang***"; serta (10) "Bermula maka Seri Nara al-Diraja terlalu sangat dikasihi ***oleh Raja***" (Salleh ed., 1997).

KESIMPULAN

Hasil analisis mengenai struktur, bentuk, fungsi, dan makna frasa adverba, maka dapatlah dibuktikan bahawa struktur frasa adverba dalam ayat yang dinyatakan dalam kerangka teori sebagai hanya terletak pada adjung hujung sesuatu ayat, ada percanggahannya. Ini adalah kerana frasa adverba boleh juga terletak pada kedudukan yang lain, iaitu pada adjung pangkal dan adjung tengah sesuatu

ayat. Selain itu, frasa adverba juga boleh hadir, sama ada sebelum atau selepas kata kerja; atau kata adverba yang bercanggah dengan pernyataan dalam buku Asmah Haji Omar, yang bertajuk *Nahu Melayu Mutakhir* (1993), yang menstrukturkan adverba wujud selepas objek dalam sesuatu ayat, dengan Contoh: <Subjek — Predikat — Objek — Adverba> (Omar, 1993).

Daripada analisis struktur ayat ini menunjukkan bahawa adverba berfungsi menerangkan adjektif yang hanya hadir selepas nama benda; dan ini bertentangan dengan fungsi asal adverba yang tugasnya sebagai keterangan terhadap kata kerja. Analisis terhadap data korpus juga mendapati bahawa adverba boleh hadir secara rentetan, dan adakala mengapit kata kerja. Bagaimanapun, frasa adverba dalam struktur ayat perlu diperhalusi, kerana struktur bahasa klasik amat banyak percanggahan dengan tata-bahasa bahasa moden.

Hasil penelitian mendapati bahawa penggunaan bentuk adverba selapis dan adverba berlapis semata-mata tidak membantu kepada banyak penemuan data korpus. Selain itu sampel terhadap hanya merujuk teks *Sejarah Melayu* juga menjadi faktor kepada kelemahan dapatan. Justeru itu, saranan untuk penelitian lanjutan dibuat secara menyeluruh. Disarankan juga agar bentuk adverba ditetapkan kepada adverba bentuk jati, adverba bentuk asalnya adjektif, adverba asalnya kata kerja, dan adverba bentuk gandaan. Penyelarasan bentuk sedemikian akan mengurangkan kekeliruan kepada pengguna bahasa Melayu, sama ada oleh para pelajar sekolah peringkat menengah mahupun peringkat IPT (Institusi Pengajian Tinggi).

Daripada analisis yang dibuat didapati bahawa kesemua jenis frasa adverba yang disenaraikan dalam kerangka teori sistemik fungsional dapat dibuktikan dengan contoh ayat yang diperolehi dalam teks *Sejarah Melayu*.

Berdasarkan penelitian terhadap 75 perkataan frasa adverba bentuk selapis dan 96 frasa adverba bentuk berlapis, hanya 57 frasa adverba minimal dan 62 frasa adverba bentuk berlapis yang ditemui contoh-contoh frasa dalam ayat pada teks *Sejarah Melayu*. Ini bermakna bahawa jumlah besar frasa adverba bentuk selapis dan berlapis yang ada contoh penggunaannya ialah 120 frasa daripada sasaran, iaitu 171 frasa adverba.

Penelitian ini turut menemui frasa yang terdiri daripada golongan kata kerja, tetapi dapat berfungsi sebagai frasa adverba. Frasa tersebut ialah “*datang, sekali, dan berapa lama*”. Bagi mengesahkan fungsi dan makna frasa adverba itu selaras dengan makna dan fungsi yang diwakilinya, pengkaji menggunakan kaedah tukar-ganti perkataan dengan perkataan yang jelas fungsi dan maksudnya. Pengetahuan tentang fungsi dan makna ini relevan, kerana penentuan frasa adverba dalam struktur ayat dapat dikenal-pasti setelah mengetahui fungsi dan makna frasa adverba berkenaan.



Akhir sekali, beberapa saranan dalam penelitian ini diharap dapat memberi panduan mengenai struktur dan bentuk kata frasa adverba dalam tata-bahasa bahasa Melayu. Penelitian ini juga diharap akan menjadi medan rujukan pengguna-pengguna bahasa Melayu mengenai frasa adverba, sekali gus membantu kepada penerimaan frasa adverba sebagai satu item yang penting dalam tata-bahasa bahasa Melayu.³

³**Kenyataan:** Saya, dengan ini, membuat kenyataan bahawa kertas kerja ini adalah dapatan penyelidikan saya secara persendirian. Kertas kerja ini pula bukan merupakan amalan daripada plagiarism, sebab semua sumber yang saya rujuk dalam teks, ianya wujud pula dalam senarai rujukan atau Referensi. Saya juga membuat kenyataan bahawa kertas kerja ini belum pernah dihantar, sama ada untuk dinilai mahupun untuk diterbitkan oleh mana-mana jurnal akademik lainnya.

Referensi

- Abas, Lutfi. (1992). *Linguistik Deskriptif dan Nahu Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad, Shahnon. (1977). *Ranjau Sepanjang Jalan*. Kuala Lumpur: Utusan Princorp Sdn Bhd [Sendirian Berhad].
- Al-Imam* [majalah]. Singapore: Julai 1906 – Disember 1908.
- Alisjahbana, Sutan Takdir. (1964). *Tatabahasa Baru Melayu/Indonesia II*. Kuala Lumpur: Zaman Baru Ltd.
- Che Ross, Raimy. (1983). *Warta Malaya, 1931-1941*. Singapore: t.p. [tanpa penerbit].
- Che Ross, Raimy. (1985). *Majlis, 1932-1941*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- de Saussure, Ferdinand. (1993). *Pengantar Linguistik Umum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, diterjemahkan oleh Ajid Che Kob.
- Eaton, H. (1940). *Semantic Frequency List for English, French, German, and Spanish*. Chicago: Chicago University Press.
- Fries, C.C. (1952). *The Structure of English*. New York: Hancourt, Brace and Company.
- Gleason, H.A. (1961). *An Introduction to Descriptive Linguistics*. New York: Holt, Rinehart, and Winston.
- Hassan, Abdullah. (1974). *The Morphology of Malay*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan, Abdullah. (2004). *Tatabahasa Bahasa Melayu: Morfologi dan Sintaksis*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd [Sendirian Berhad].
- Hassan, Abdullah. (2006). *Morfologi: Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd [Sendirian Berhad].
- Hassan, Abdullah *et al.* (2006). *Sintaksis: Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd [Sendirian Berhad].
- Hassan, Abdullah. (2008). *Tatabahasa Pedagogi untuk Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd [Sendirian Berhad].
- <http://www.treewebs.com/Samudrapasai/> [diakses di Kota Kinabalu, Malaysia: 20 Mei 2015].
- Karim, Nik Safiah. (2007). *Liku-liku Bahasa: Ke Arah Penggunaan Bahasa yang Baik, Betul, dan Indah*. Shah Alam: K Publishing Sdn Bhd [Sendirian Berhad].
- Karim, Nik Safiah *et al.* (2002). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, edisi baharu.
- Karim, Nik Safiah *et al.* (2005). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, edisi semakan.

- Karim, Nik Safiah *et al.* (2008). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, edisi ketiga.
- Lehmann, Wilfred P. (1971). *Descriptive Linguistics: An Introduction*. New York: Random House.
- Mahmood, Abdul Hamid. (2006). *Kursus Menguasai Bahasa Melayu Mudah*. Tanjong Malim, Perak. Penerbit UPSI [Universiti Pendidikan Sultan Idris].
- Mahmudi, Yon. (1990). *Saudara: Part 1 (1930-1935), Part 2 (1936-1940) dan 1928-1941*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Majalah Guru*. Koleksi daripada Raimy Che Ross: 1924 -1932 (Seremban), 1932-1938 (Kuala Lumpur), dan 1939-1941 (Penang).
- Marsden, William (1812). *The Grammar of the Malayan Language with an Introduction and Praxis*. London: The Haklyut Society.
- Mat Ton, Abdul Aziz. (2000). *Al-Imam: Politik al-Imam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mees, C.A. (1969). *Tatabahasa dan Tatakalamat*. Kuala Lumpur dan Singapura: University of Malaya Press.
- Musanif, Ahmad Mahmood & Arbak Othman. (2001). *Teori Linguistik*. Kuala Lumpur: Penerbit Sarjana.
- Nida, Eugene A. (1963). *Morfology: The Descriptive Analysis of Words*. Ann Arbor: The University of Michigan Press.
- Omar, Asmah Haji. (1968). *Morfologi-Sintaksis Bahasa Melayu (Malaya) dan Bahasa Indonesia: Satu Perbandingan Pola*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Omar, Asmah Haji. (1993). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, edisi keempat.
- Omar, Asmah Haji. (2008). *Nahu Kemas Kini*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd [Sendirian Berhad].
- Omar, Asmah Haji. (2009). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, edisi kelima.
- Othman, Arbak. (1981). *Tatabahasa Bahasa Malaysia: Suatu Pembaharuan*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Quirk, Randolph & Sidney Greenbaum. (1978). *A University of Grammar of English*. London: Longman.
- Renouf, Antionette. (1997). "Corpus Development" dalam *Looking Up*. London and Galsgow: Collins ELT.
- Said, A. Samad. (1995). *Salina*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salleh, Muhammad Haji [ed]. (1997). *Sulalat al-Salatin (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sinclair, John [ed]. (1991). *Collins Cobuild "English Guide I Prepositions"*. London: Harper Collins.
- Trask, R.L. (1999). *Key Concepts in Language and Linguistics*. London: Routledge.
- Za'ba, Zainal Abidin bin Ahmad @. (1965). *Pelita Bahasa Melayu: Penggal I*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, cetakan ketiga.
- Za'ba, Zainal Abidin bin Ahmad @. (2000). *Pelita Bahasa Melayu Penggal I-III*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, edisi baharu.



Karya Sastera Sejarah Melayu dalam Berbagai Edisi
(Sumber: <http://goblogzamali.blogspot.co.id>, 17/8/2015)

Karya agung *Sejarah Melayu* ini dipercayai dimulakan penulisannya di Johor, Semenanjung Tanah Melayu, pada tahun 1536 Masehi, yang mengisahkan perihal salasilah dan keagungan raja-raja dan kerajaan Melayu Melaka dalam abad ke-14 hingga ke-16. Pendapat umum dalam kalangan Sarjana Melayu dan Sarjana Orientalis, karya ini siap ditulis pada tahun 1612. Penulisnya ialah Tun Seri Lanang, seorang pembesar istana. Edisi karya agung ini pernah dikaji dan dijadikan inspirasi penulisan sajak oleh Profesor Muhammad Hj Salleh dari UKM (Universiti Kebangsaan Malaysia).